

PEMBINGKAIAN BERITA KRISIS SELATAN THAILAND DALAM AKHBAR ALIRAN PERDANA DI MALAYSIA

AZAHAR KASIM, MOHD AZIZUDDIN MOHD SANI,
AWAN ISMAIL & AZ ZAMAKHSYARI MASRI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

Abstrak

Krisis Selatan Thailand membabitkan masalah keamanan, keganasan dan ketidaktentuan hala tuju di tiga wilayah berlaku sejak 1960. Malah, masalah itu semakin kemuncak pada tahun 2004 apabila pertempuran berlaku di antara penduduk dan pasukan tentera yang menyebabkan beribu-ribu rakyat Thailand terkorban. Sehingga kini, lebih 5,700 yang terkorban dan lebih 7,500 cedera. Pemimpin dan penduduk Selatan Thailand yang majoritinya berbangsa Melayu beragama Islam dilaporkan masih gagal mencari jalan penyelesaian yang terbaik untuk mereka dengan kerajaan Thailand berpusat di Bangkok. Keadaan itu menyebabkan media Malaysia terpanggil untuk membuat liputan berita mengenai krisis Selatan Thailand berdasarkan kedekatan dan faktor geografi Malaysia yang bersempadan dengan Thailand. Oleh itu, kajian ini adalah untuk mengenal pasti kekerapan penyiaran berita dan mengenalpasti pembingkaiannya berita mengenai krisis di Selatan Thailand dalam akhbar-akhbar aliran perdana di Malaysia. Kajian dilakukan terhadap tiga akhbar iaitu Harian Metro, Berita Harian dan New Straits Times bermula 1 Januari 2013 hingga 31 Disember 2013. Sebanyak 74 berita mengenai krisis di Selatan Thailand disiarkan oleh ketiga-tiga akhbar sepanjang tahun 2013. Daripada jumlah itu, 139 isu daripada 10 isu yang diklasifikasikan dalam kajian ini dipaparkan. Hasil kajian mendapati berita krisis seperti isu Serangan didominasikan oleh Harian Metro dan Berita Harian dengan isu Krisis Keganasan selain isu Rundingan Damai didominasikan oleh New Straits Times.

Kata kunci: Krisis Selatan Thailand, akhbar; berita, isu, akhbar aliran perdana

NEWS FRAMING ON SOUTHERN THAILAND CRISIS IN MAINSTREAM MEDIA IN MALAYSIA

Abstract

The crises in Southern Thailand involving security issues, terrorism and uncertain directions in three regions has occurred since 1960. In fact, the problem worsened when clashes between residents and troops that caused thousands of Thais killed in 2004. To date, more than 5,700 people killed and over 7,500 injured. Leaders and people in Southern Thailand, majority of Malay ethnic are Muslims, has failed to find the best solution for them and Bangkok based Thai government. Having shared a common border and because of geographical factors, the Malaysian media felt compelled to make news coverage of the crisis in Southern Thailand. Therefore, this study aims to identify the frequency of news broadcasting and to identify news framing construction on the crisis in Southern Thailand in mainstream newspapers in Malaysia. The study was conducted on three newspapers; Harian Metro, Berita Harian and New Straits Times from 1 January 2013 until 31 December 2013. A total of 74 stories that highlighted the crisis in Southern Thailand were published by the three newspapers during the year 2013. From 139 issues, 10 issues classified in this study were displayed. Results showed that crisis news related to attack issues are dominated by Berita Harian while issues related to violence are dominated by Berita Harian and issues related to peace talks are dominated by New Straits Times.

Keywords: Southern Thailand crises, newspaper, news, issues, mainstream media

PENGENALAN

Selatan Thailand yang mengandungi wilayah Pattani, Yala, Narathiwat dan Songkla masih lagi bergolak seolah-olah tiada penghujungnya. Sehingga kini, lebih 5,700 terkorban dan lebih 7,500 cedera. Pertikaian ini menyebabkan

berlakunya, keganasan bersenjata, pertempuran, pembunuhan termasuk pengeboman di tempat awam, sekolah, pusat membeli belah serta pusat hiburan. Seri Intan (2013) menyatakan masalah keamanan, keganasan dan ketidaktentuan hala tuju di tiga wilayah berkenaan berlaku sejak 1960-an lagi dan ia memuncak pada 2004 apabila pertempuran berlaku di antara penduduk dan pasukan tentera yang menyebabkan beribu-ribu rakyat dan tentera terkorban. Hakikatnya, pertikaian antara penduduk di Selatan Thailand dengan kerajaan yang berpusat di Bangkok amat rumit untuk diselesaikan walaupun pelbagai usaha mencapai pendamaian termasuk campurtangan kerajaan Malaysia sedang dipertingkatkan. Perbalahan dan pertikaian ini menyebabkan ia menjadi satu krisis dan konflik yang berterusan. Konflik sering berlaku dalam kehidupan sosial akibat daripada berbangkitnya keadaan ketidaksetujuan, kontroversi dan pertentangan di antara dua atau lebih pihak secara berterusan. Namun begitu, dalam konteks media, jika berita mengenai konflik dijaga dengan konstruktif, khalayak akan lebih cenderung memberi perhatian kepada penyelesaian konflik. Gilboa (2009) menyatakan kemajuan dalam media seperti Internet, membolehkan orang ramai mendapat maklumat melalui berita. Peranan media dalam menghebahkan berita kepada khalayak tidak dinafikan kepentingannya. Namun begitu, kebebasan dalam melaporkan peristiwa boleh mengundang padah dan memberi impak buruk kepada sesetengah pihak. Media adalah perantara penyampaian maklumat termasuklah radio, televisyen, majalah serta akhbar. Di era masa kini, maklumat di hujung jari, Internet memainkan peranan penting sebagai saluran berita utama. Pada masa kini, masyarakat moden juga hilang arah tanpa media. Perbezaan masyarakat hari ini dengan masyarakat tradisional adalah dengan kehadiran media. (Syed Arabi Idid, 1999; Syed Ahmad Idid, 2001: 7).

Dalam masa yang sama, kerajaan perlu berkomunikasi dalam beberapa isu kehidupan seperti bencana alam, serangan pengganas dan isu yang boleh memberi kesan kepada rakyat seperti pilihan raya, cukai dan dasar-dasar awam (Liu, Horsley, & Yang, 2012). Selain itu, kerajaan juga perlu membuat kawalan terhadap media yang telah berkembang seiring dengan saiz pasaran pengiklanan (Gehlbach & Sonin, 2012). Amalan demokrasi dalam kerajaan semakin meningkat apabila kepentingan dasar maklumat dan teknologi maklumat sehingga mewujudkan hubungan antara kerajaan dan rakyat apabila berlakunya penyediaan aliran maklumat kerajaan dan ketersediaan maklumat kerajaan; penggunaan teknologi maklumat di samping kerajaan menyediakan perkhidmatan yang inovatif (Criado, Sandoval-Almazan, & Gil-Garcia, 2013). Dengan demikian, media adalah saluran menyalurkan pesanan daripada pengirim kepada penerima sehingga dapat merangsang fikiran dan perasaan. Selain media cetak dan elektronik, media sosial juga dapat membentuk landskap politik nasional dan global bermula selepas pilihan raya Iran pada tahun 2009, dan kemudiannya mula popular di Afrika Utara dan Timur Tengah pada tahun 2011. Peristiwa ini dan juga peristiwa-peristiwa yang lain menunjukkan media sosial memainkan peranan penting dalam menyampaikan maklumat ketika

berlakunya konflik (Van Niekerk & Maharaj, 2013). Oleh itu, apabila berlakunya sesuatu konflik, media sebagai perantara antara orang ramai dan maklumat serta memainkan peranan yang amat penting kerana media boleh mempengaruhi khalayak terhadap apa yang dilaporkan mereka. Dengan demikian, media juga dilihat banyak melaporkan berita mengenai keadaan dan krisis yang berlaku di Selatan Thailand disebabkan unsur kedekatan (*proximity*) yang merupakan salah satu daripada nilai-nilai berita.

SOROTAN LITERATUR

Menurut Marc Askew pada tahun 2008 dalam kajiannya, menerangkan polisi kajian kritikal, peristiwa penting dan perbincangan mengenai krisis Selatan Thailand sudah dilakukan sejak rampasan kuasa pada September 2006. Ini berlaku pada bulan pertama kerajaan awam yang baru dibawah bekas Perdana Menteri Thailand, Samak Sundaravej. Beliau berpendapat keadaan di Selatan Thailand masih sukar dikawal kerana beberapa sebab seperti kesukaran untuk memerangi dan melawan pakatan sulit, kumpulan pemberontak yang menggunakan propaganda dan keganasan serta tidak mahu berunding. Masalah lain dalam kajian itu, rakyat menghadapi kesukaran berhadapan dengan pihak berkuasa dalam melaksanakan dua polisi penguatkuasaan undang-undang dan penduduk kampung mencurigakan tindakan pihak kerajaan. Kajian A. F. Zillich, R. Gobbel, K. Stengel, M. Maier dan G Ruhrman pada tahun 2011 dibuat untuk melihat krisis komunikasi yang proaktif dalam konflik antarabangsa. Dalam kajian itu, intipati utama adalah untuk menganalisis sama ada liputan media Jerman terhadap konflik antarabangsa mematuhi kehendak normative ataupun tidak berdasarkan konsep kewartawanan keamanan. Dengan mengambil kira Teori Nilai Berita (*News Value Theory*), kajian ini menunjukkan konflik antarabangsa berbeza secara berperingkat-peringkat.

Selain itu, kajian oleh S. Iyengar dan A. Simon pada tahun 1993 ini mendokumenkan tiga jenis kesan media dijalankan mengikut pandangan orang awam semasa peperangan dan krisis Teluk Parsi. Dalam kajian itu, pada tahap pertama mendapati tahap rangkaian liputan berita dipadankan dengan peratusan pungutan suara responden Gallup yang menamakan krisis Teluk sebagai masalah negara yang paling penting. Lanjutan kajian itu, mereka menggunakan data dari tahun 1988, 1990 dan 1991 dalam Kajian Pilihan Raya Kebangsaan (NES) untuk membuktikan bahawa responden cenderung menilai pelaksanaan dasar luar Amerika Syarikat, terutama Presiden George Bush selepas daripada krisis Teluk. Menurut Onook Oh, Manish Agrawal, dan H Raghav Rao dalam kajian pada tahun 2013 selepas munculnya Twitter dan Blog memperlihatkan media sebagai medium pelaporan sosial yang dominan dalam menyebarkan maklumat mengenai krisis sosial. Kajian mendapati maklumat tanpa sumber yang jelas, penglibatan kepentingan peribadi dan kepercayaan terhadap khabar angin merupakan faktor penyebab krisis sosial.

Akhbar juga masih kekal peranannya sebagai penyampai maklumat (McQuail,

2005), boleh dipercayai dan lengkap (Flanagan dan Metzger (2000), kaya dengan maklumat seperti berita perkembangan semasa (Mior Kamarul Shahid (2006). Lewis (2008) mendapati kandungan akhbar membantu meningkatkan keyakinan dan akhbar kerap memberi maklumat yang lebih lengkap berbanding berita yang disiarkan melalui televisyen (Raeymaeckers (2004).

Menurut Abdul Nafi (2006) dalam Muhammad Raqib dan Adnan Hussein, (2014:119) menyatakan akhbar boleh mempengaruhi pendedahan dan inpretasi mesej dalam kalangan khalayak apabila terdapat elemen dalam akhbar seperti tajuk utama yang ditonjolkan, berita berkenaan isu yang berlaku, pendapat lidah pengarang atau gambar yang diletakkan pada akhbar sendiri. Setiap elemen dalam akhbar itu mempunyai kesan emosi dan rasional untuk mempengaruhi pendedahan maklumat dan tindak balas pembaca.

Bagaimanapun, Sarah Kaur, Yuen Chee, Stef Bolted dan Saravanan Ramiah (2012) dalam Muhammad Raqib dan Adnan Hussein, (2014:119) menyatakan media massa terutama akhbar-akhbar selalunya mempunyai akses yang sama dari segi fakta dan maklumat mengenai sesuatu isu tetapi mereka tetap memberi laporan berlainan memandangkan mereka juga mentafsirkan data yang diperolehi mengikut cara masing-masing.

Menurut Yong dan Md Sidin (2012), akhbar paling banyak membingkaikan elemen konflik. Jadi kajian ini telah menggunakan Teori Pembingkaian Analisis (*Framing Analysis Theory*). Konsep ini dikembangkan oleh Goffman (1974) yang menganggap kepingan bingkai yang mendorong tingkah laku individu dalam pembacaan realitinya. Teori ini digunakan untuk mengetahui bagaimana perspektif atau cara melihat yang digunakan oleh wartawan ketika memilih isu dan menulis berita. Sarjana seperti Entman (1993) mendefinisikan pembingkaian sebagai “suatu usaha memilih beberapa aspek daripada melihat dan menjadikan ianya lebih penting dalam teks komunikasi, dalam satu cara untuk membantu menyelenggara pendefinisian masalah, hubungan sebab-sebab tafsiran, tafsiran moral dan saranan untuk bertindak”. Pembingkaian berita dilihat sebagai pengganti kepada penentuan agenda yang dilihat tidak mampu memberitahu apa yang perlu difikirkan melalui suatu skema pemberitaan yang lebih sistematik dan mendalam terutamanya bila menyentuh tentang proses pemilihan dan penonjolan dalam penerbitan sesebuah berita.

Pengisian dan pemilihan masalah-masalah (agenda-agenda) boleh menyorot keadaan kemasyarakatan, acara-acara dunia, serta sifat-sifat perwatakan seorang calon (kajian pembingkaian politik). Media akan mencadangkan apakah isu yang wajar mendapat perhatian serta berusaha mempengaruhi penaksiran masyarakat terhadapnya menggunakan penekanan, pengecualian, dan huraian-huraian dalam sesebuah cerita berita. Untuk membingkaikan sesuatu perkara, keperluan utama ialah memilih beberapa aspek kenyataan yang diterima untuk membuat mereka lebih menonjol dalam satu perhubungan teks yang diibaratkan sebagai satu cara untuk menggalakkan sesuatu masalah tertentu, tafsiran bersebab, penilaian yang lebih dan juga untuk menghuraikan sesuatu cadangan rawatan. Justeru,

bingkai-bingkai berita adalah aspek kritikal kepada cara berita mempengaruhi masyarakat (Scheufele 1999) kerana bingkai berita menentukan perkara penting intipati utama dalam sesuatu isu.

Usaha Semetko dan Valkenburg (2000) mendapati bingkai tanggungjawab sering kali digunakan dalam suratkhabar. Mereka seterusnya menjelaskan penguasaan bagi bingkai tanggungjawab dalam media Belanda sebagai satu akibat terhadap pengaruh berpotensi bagi budaya politik negara pada media. Dalam bahasa yang mudah, sesebuah teks berita mesti mempunyai bingkai-bingkai berita yang telah dikenalpasti oleh wartawan untuk memulakan sesuatu proses konstruksi berita. Bingkai ini pula boleh dipecahkan kepada sebuah bingkai generik dan disokong oleh sub-bingkai yang sesuai. Bingkai berita sahaja tidak memadai untuk membentuk sebuah cerita berita dan ini memerlukan sumber berita sebagai aktor-aktor dalam isu-isu yang dibincangkan dalam berita.

Oleh yang demikian, jika berita melaporkan mengenai konflik dijaga dengan konstruktif, khalayak akan lebih cenderung untuk memberi perhatian kepada penyelesaian konflik. Situasi dan keadaan itu menyebabkan pengaruh dibawa oleh berita bergantung kepada apakah isi kandungan dan apakah isu yang dibincang atau dibangkitkan oleh sesuatu berita. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan mengetahui seberapa kerapkah berita mengenai krisis di Selatan Thailand ini disiarkan dan isu apakah yang diberi perhatian dan dibingkai oleh akhbar Harian Metro, Berita Harian dan New Straits Times dalam melaporkan berita.

TUJUAN KAJIAN

Dalam konteks ini, tujuan kajian adalah untuk melihat pembingkaian berita krisis Selatan Thailand daripada sudut jumlah berita di samping isu yang diketengahkan dalam tiga akhbar aliran peranan terbitan Kumpulan Media Prima Berhad iaitu Harian Metro, Berita Harian dan News Straits Times. Perbincangan akan berfokus pada liputan berita Selatan Thailand sahaja yang disiarkan dalam akhbar di Malaysia sepanjang Januari 2013 hingga Disember 2013 dalam usaha mencapai objektif berikut:

1. Mengenal pasti kekerapan jumlah berita yang disiarkan mengenai krisis Selatan Thailand.
2. Mengenal pasti isu-isu dalam liputan berita yang disiarkan mengenai krisis Selatan Thailand.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan analisis isi kandungan untuk melihat pembingkaian isu berita krisis Selatan Thailand oleh ketiga-tiga akhbar terbitan Kumpulan Media Prima Berhad. Pemilihan ketiga-tiga akhbar ini kerana Audit Bureau of Circulation (2013) menunjukkan akhbar ini masih mempunyai pengedaran tertinggi di Malaysia. Akhbar Berita Harian mencatat purata naskhah dalam

edaran sebanyak 130,463, diikuti akhbar harian berbahasa Inggeris, New Straits Times (NST) meraih purata dalam edaran 93,321 naskhah sehari. Menurut Yusliza (2013) Agensi kaji selidik Nielsen Media Research juga melaporkan Harian Metro dan Metro Ahad mendahului semua akhbar dari segi jumlah pembaca apabila masing-masing mencatatkan purata 3.695 juta dan 4.061 juta sehari bagi tempoh suku kedua.

Penyelidikan ini telah memilih tempoh 12 bulan iaitu Januari 2013 hingga Disember 2013. Tempoh ini dipilih kerana dalam tempoh ini krisis Selatan Thailand berada dalam keadaan kemuncak. Dalam kajian ini, setiap berita yang menggambarkan krisis Selatan Thailand diambil sebagai unit analisis untuk pengukuran lebih lanjut. Penyelidikan ini menggunakan pengukuran bingkai generik yang dibangunkan oleh Semetko dan Valkenburg (2000);

1. Bingkai tanggungjawab merupakan bingkai yang menyajikan isu atau masalah dengan memberikan tanggungjawab untuk penyebab atau penyelesaian sesuatu isu kepada pemerintah atau individu atau kumpulan.
2. Bingkai konflik merupakan bingkai yang menekankan konflik antara individu, kumpulan atau institusi.
3. Bingkai minat insani merupakan bingkai menekankan kepentingan manusia atau kesan emosi dalam sesuatu isu atau masalah yang boleh menarik dan menyentuh perasaan pembaca.
4. Bingkai moral merupakan bingkai yang menempatkan isu, peristiwa atau masalah dalam konteks moral dan agama.
5. Bingkai kesan ekonomi merupakan bingkai untuk melihat isu, peristiwa atau masalah dari aspek kesan ekonomi terhadap individu, kumpulan, institusi atau negara.

Berdasarkan pandangan itu, penyelidikan ini mengklasifikasikan unit analisis pengukuran kepada 10 isu yang dibangunkan iaitu isu Serangan, Pemulihan Keamanan, Keselamatan, Rundingan Damai, Perpaduan, Krisis Keganasan, Politik, Kesan Darurat, Agama dan Ekonomi. Proses pengekodan bingkai dalam kajian ini mengambilkira proses yang dicadangkan oleh Nurul Ain A Hamid dan Faridah Ibrahim (ms 103);

Skema dalam pengekodan bingkai mengambil kira dengan menandakan sama ada ya atau tidak jika artikel berita yang digambarkan dalam keempat-empat akhbar yang terpilih sesuai dengan unit analisis. Untuk jawapan ‘Ya’ disesuaikan dengan kenyataan tersebut, jurukod menandakan dengan ‘1’ manakala bagi ‘0’ untuk menjawab ‘tidak’. Skala dibina untuk setiap lima bingkai menggunakan nilai purata penyataan bingkai tersebut. Untuk memastikan nilai kebolehpercayaan antara koder dilakukan. Keputusan-keputusan jurukod telah diperiksa dan indeks peratus kesepakatan Holsti’s (1969) diaplikasikan dalam statistik ini.

Keputusan telah menghasilkan kesepakatan lebih dari 0.7 iaitu tahap yang boleh diterima.

ANALISIS DATA

Sebanyak 74 berita yang dikeluarkan oleh akhbar Harian Metro, Berita Harian dan New Straits Times bagi sepanjang tahun 2013 mengenai krisis di Selatan Thailand. Berita Harian, mencatatkan jumlah berita tertinggi berbanding New Straits Times (NST) dan Harian Metro apabila mencatatkan sebanyak 39.19% (29 berita) berbanding New Straits Times sebanyak 32.43 (24 berita) dan Harian Metro sebanyak 28.38% (21 berita).

Analisis Pembingkaihan Isu-isu Tumpuan Liputan Berita Dan Rencana Krisis Selatan Thailand Tahun 2013


Secara keseluruhan berita yang disiarkan oleh ketiga-tiga akhbar ialah sebanyak 74 berita. Bagaimanapun, kajian ini mendapat terdapat satu berita yang menyatakan lebih daripada dua isu menyebabkan jumlah isu ketiga-tiga akhbar sebanyak 139 isu yang disiarkan sepanjang tempoh tahun 2013. Setiap akhbar mempunyai tumpuan isu-isu yang berbeza. Bagi Harian Metro, lebih memberi tumpuan kepada isu Keselamatan, manakala Berita Harian memberi tumpuan kepada isu Krisis Keganasan dan New Straits Times Rundingan Damai. Jumlah isu keseluruhannya, isu Harian Metro adalah sebanyak 36 isu, Berita Harian sebanyak 52 isu dan New Straits Times adalah sebanyak 51 yang telah disiarkan sepanjang tahun 2013 mengenai krisis Selatan Thailand.

Jadual 1: Data perbandingan tiga akhbar membabitkan isu-isu liputan berita krisis Selatan Thailand bagi sepanjang tahun 2013.

Kekerapan dan Peratusan			
Bingkai Isu	Harian Metro	Berita Harian	New Straits Times
Serangan	8 (22.2)	7 (13.5)	2 (3.9)
Pemulihan Keamanan	3 (8.3)	4 (7.7)	2 (3.9)
Keselamatan	11(30.6)	3 (5.8)	3 (5.9)
Rundingan Damai	4 (11.1)	7 (13.5)	10 (19.6)
Perpaduan	2 (5.6)	3 (5.8)	9 (17.6)
Krisis Keganasan	5 (13.9)	14 (26.9)	8 (15.7)
Politik	-	5 (9.6)	9 (17.6)
Kesan Darurat	-	1 (1.9)	-
Ekonomi	2 (5.6)	7 (13.5)	5 (9.8)
Agama	1 (2.8)	1 (1.9)	3 (5.9)
Jumlah	36 (100)	52 (100)	51(100)

Dengan demikian, Kerangka 1 menunjukkan kerangka pembingkaian isu-isu tumpuan yang dijadikan sebagai bingkaian oleh Berita Harian, Harian Metro dan New Straits Times dalam melaporkan berita mengenai krisis Selatan Thailand. Antara isu-isu yang dibingkaikan oleh ketiga-tiga akhbar ini bagi sepanjang tahun 2013 ialah isu Serangan, Pemulihan Keamanan, Keselamatan, Rundingan Damai, Perpaduan, Krisis Keganasan, Politik, Kesan Darurat, Agama dan Ekonomi.

Kerangka 1: Isu-isu tumpuan yang dibingkaikan di dalam akhbar yang melaporkan berita mengenai krisis Selatan Thailand.



Dalam kajian ini, pembingkaian isu Serangan menunjukkan Harian Metro lebih banyak menyiaran berita apabila mencatatkan sebanyak 22.2 peratus (8 isu) berbanding Berita Harian sebanyak 13.5 peratus (7 isu) dan New Straits Times sebanyak 3.9 peratus (2 isu). Manakala, pembingkaian isu Pemulihan Keamanan menunjukkan Berita Harian mengambil langkah proaktif apabila menyiaran sebanyak 7.7 peratus (4 isu), Harian Metro sebanyak 8.3 peratus (3 isu) dan New Straits Times 3.9 peratus (2 isu).

Bagaimanapun, pembingkaian isu Keselamatan diberi tumpuan oleh Harian Metro dengan jumlah sebanyak 30.6 peratus (11 isu), manakala Berita Harian sebanyak 5.8 peratus (3 isu) dan New Straits Times sebanyak 5.9 peratus (3

isu). Isu Rundingan Damai merupakan isu yang paling kerap dibingkaikan oleh New Straits Times dengan jumlah peratusan sebanyak 19.6 peratus (10 isu) berbanding akhbar Berita Harian yang tidak jauh bezanya iaitu sebanyak 13.5 peratus (7 isu) dan Harian Metro sebanyak 11.1 peratus (4 isu).

Manakala, isu Perpaduan pula lebih kerap dibingkaikan oleh New Straits Times dengan peratusan sebanyak 17.6 peratus (9 isu) berbanding akhbar Harian Metro yang hanya 5.6 peratus (2 isu) dan Berita Harian sebanyak 5.8 peratus (3 isu). Bagi isu Krisis Keganasan pula merupakan isu yang paling kerap dibingkaikan oleh Berita Harian dengan jumlah peratusan sebanyak 26 peratus (14 isu) berbanding akhbar New Straits Times sebanyak 15.7 peratus (8 isu) dan Harian Metro sebanyak 13.9 peratus (5 isu).

Pembingkaian isu Politik pula lebih banyak dibingkaikan oleh New Straits Times dengan jumlah peratusan sebanyak 17.6 peratus (9 isu) berbanding Berita Harian hanya 9.6 peratus (5 isu). Bagaimanapun, Harian Metro langsung tidak membingkaikan isu ini dalam akhbar mereka. Isu Kesan Darurat hanya mendapat perhatian Berita Harian sebanyak 1.9 peratus (1 isu) sahaja yang dibincangkan. Pembingkaian isu Ekonomi lebih kerap ditumpukan oleh Berita Harian dengan jumlah peratusan sebanyak 13.5 peratus (7 isu) berbanding New Straits Times sebanyak 9.8 peratus (5 isu) dan Harian Metro sebanyak 5.6 peratus (2 isu) dan seterusnya isu agama mendapat perhatian ketiga-tiga akhbar apabila New Straits Times sebanyak 5.9 peratus (3 isu), Berita Harian sebanyak 1.9 peratus (1 isu) dan Harian Metro sebanyak 2.8 peratus (1 isu).

KESIMPULAN

Kajian telah mengenal pasti kekerapan jumlah dan peratusan berita yang disiarkan oleh ketiga-tiga akhbar iaitu Berita Harian, Harian Metro dan New Straits Times. Kajian mendapati Berita Harian lebih menonjol dalam menyiaran berita krisis Selatan Thailand berbanding dengan New Straits Times dan Harian Metro. Kajian ini juga telah mengenal pasti isu-isu yang disiarkan dalam ketiga-tiga akhbar mendapati Harian Metro memfokuskan pembingkaian berdasarkan isu Keselamatan, Serangan dan Krisis Keganasan. Ketiga-tiga isu ini saling berkait antara satu sama lain dan membawa sifat sebenar akhbar ini yang lebih menekankan aspek sensasi dalam penyiaran berita di akhbar mereka.

Namun begitu fokus Berita Harian lebih tertumpu kepada pembingkaian isu Krisis Keganasan, Serangan, Ekonomi dan Rundingan Damai diikuti New Straits Times lebih memberi tumpuan pembingkaian isu Rundingan Damai, Perpaduan dan Politik. Ini secara tidak langsung memperlihatkan ketiga-tiga akhbar menyiaran berita krisis mengikut kehendak pembaca dan kecenderungan mereka dalam memilih berita untuk dibaca oleh pembaca masing-masing.

BIODATA

Azahar Kasim adalah Pensyarah Program Teknologi Media di Pusat Pengajian

Teknologi Multimedia dan Komunikasi, Universiti Utara Malaysia.

Mohd Azizuddin Mohd Sani adalah Profesor Madya di Pusat Pengajian Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia.

Awan Ismail adalah Pensyarah Kanan ProgramTeknologi Media di Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, Universiti Utara Malaysia.

Az Zamakhsyari Masri adalah pelajar sarjana ProgramTeknologi Media di Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, Universiti Utara Malaysia.

RUJUKAN

- Askew, M. (2008). Thailand' s Intractable Southern War: Policy, Insurgency and Discourse. *Contemporary Southeast Asia*. doi:10.1355/CS30-2B
- Criado, J. I., Sandoval-Almazan, R., & Gil-Garcia, J. R. (2013). Government innovation through social media. *Government Information Quarterly*. doi:10.1016/j.giq.2013.10.003
- Entman, R.M. & Rojecki, A.(1993). Freezing Out The Public: Elite and Media Framing of the U.S. Anti-Nuclear Movement. *Political Communication*, 10(2): 155-173.
- Flanagan, A.J., & Metzger, M.J (2000). Perception of internet information credibility. *Journalism & Mass Communication Quarterly*, 77(3), 515-540.
- Gehlbach, S., & Sonin, K. (2012). Government control of the media. Available at SSRN 1315882. doi:10.2139/ssrn.1315882
- Goffman, E. (1974). *Frame Analysis: An Essay on the Organization of Experience*. Cambridge: Harvard University Press.
- Gilboa, E. (2009). Media and Conflict Resolution : A Framework For Analusis. *Marquette Law Review*, 93, 87–111. doi:Article
- Lewis, S.C. (2008). Where Young Adults Intend to Get News in Five Years. *Newspaper Research Journal*, 29 (4), 36-52.
- Liu, B. F., Horsley, J. S., & Yang, K. (2012). Overcoming Negative Media Coverage: Does Government Communication Matter? *Journal of Public Administration Research and Theory*, 22(3), 597–621. doi:10.1093/jopart/mur078
- McQuail,D.(2005). *Mass Communication Theory* (5th ed.). Beverly Hills, CA: Sage Publications.
- Mior Kamarul Shahid.(2006). Media Massa dan Peningkatan Daya Intelektual Bahasa dan Kebudayaan Kebangsaan. Dimuat turun pada 5 Januari 2015, daripada <http://www.kongresbahasa.org/wp-content>.
- Muhammad Raqib Mohd Sofian & Adnan Hussein, Analisis Kualitatif Pembingkaian Akhbar The Star dan Utusan Malaysia mengenai Kontroversi Majlis “ThanksGiving” di DUMC. *Jurnal Komunikasi Malaysia Journal of Communication*, Jilid 30(1) 2014:117-145.
- Iyengar, S., & Simon, A. (1993). News Coverage of the Gulf Crisis and Public Opinion: A Study of Agenda-Setting, Priming, and Framing. *Communication Research*. doi:10.1177/009365093020003002
- Oh, O., Agrawal, M., & Rao, H. R. (2013). Community Intelligence and Social Media Services: A Rumor Theoretic Analysis of Tweets During Social Crises. *MIS Quarterly*, 37, 407–426.
- Raeymaeckers, K. (2004). Newspaper Editors in Search of Young Readers: Content and Layout Strategies to Win New Readers. *Journalism Studies*, 5(2),221-232.
- Scheufele, D.A. 1999. Framing as a Theory of Media Effects. *Journal of*

Communication 49(1): 103-122.

- Semetko, H.A. & Valkenburg, P.M. (2000). Framing European Politics: A Content Analysis of Press and Television News. *Journal of Communication* 50(2):93-109
- Syed Ahmad Idid (2001). Free speech and the constitution – with special reference to media, *Malayan Law Journal*. Terdapat di: www.mlj.com.my/free/articles/syed-idid3.htm.
- Seri Intan Othman (2013, November 16), Konflik Selatan Thailand Rumit, Berita Harian 16 November 2013.
- Yang Lai Fong & Md Sidin Ahmad Ishak (2012). Framing Interethnic Conflict in Malaysia: A Comparative Analysis of Newspaper Coverage on the Hindu Right Action Force (Hindraf). *International Journal of Communication*.6,166-189.
- Yusliza Yakimir Abd Talib (2013), Harian Metro dan Metro Ahad Akbar Nombor 1, muat turun 5 Januari 2015, <http://www2.hmetro.com.my/myMetro/articles>.
- Van Niekerk, B., & Maharaj, M. (2013). Social Media and Information Conflict. *International Journal of Communication*, 7, 1162–1184.
- Zilllich, A. F., Gobbel, R., Stengel, K., Maier, M., & Ruhrmann, G. (2011). Proactive crisis communication? News coverage of international conflicts in German print and broadcasting media. *Media, War & Conflict*. doi:10.1177/1750635211420629

